



## SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

### **Kuiz Kewangan Terbesar di Malaysia, BijakWang Challenge 2025 Catat Rekod Baharu dengan 4,891 Peserta dalam Tempoh Sejam**

*Bukan sekadar cipta sejarah, mySalam telah melindungi 1.8 juta rakyat dengan lanjutan skim sehingga Disember 2026.*

**Pulau Pinang, 16 November 2025** – BijakWang Challenge 2025 yang merupakan inisiatif literasi kewangan anjuran mySalam bersempena Karnival Celik Kewangan (KCK) Pulau Pinang, telah mencatat sejarah baharu dengan penyertaan kuiz literasi kewangan terbesar seramai 4,891 peserta dalam tempoh satu jam melalui platform digital *TikTok LIVE* dan laman kuiz interaktif *Kahoot!*. mySalam, skim perlindungan takaful nasional untuk komuniti B40 yang diuruskan sepenuhnya oleh Great Eastern Takaful Berhad (GETB) meneruskan komitmennya dalam memperkasakan masyarakat melalui pendekatan program literasi kewangan secara dinamik dan berimpak tinggi di Malaysia.

Inisiatif mySalam yang menerima pengiktirafan oleh *The Malaysia Book of Records* bagi kategori “**Largest Financial Literacy Quiz Challenge**” ini adalah merupakan rekod kedua selepas mencatat rekod “*Longest Non-Stop Financial Literacy Live Broadcast*” di Tawau pada bulan Julai 2025. Turut hadir bagi menyaksikan sesi penyerahan sijil pengiktirafan ini adalah Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia, En. Adnan Zaylani Mohamad Zahid, bersama Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful, En. Shahrul Azlan Shahrman, Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Takaful Malaysia, En. Mohd Radzuan Mohamed, Ketua Skim mySalam, En. Syuhaib Ithnin serta Pengurus Dasar Awam TikTok Malaysia, En. Mohd Aliffadhli Zakaria.

Menurut En. Syuhaib Ithnin, Ketua Skim mySalam di Great Eastern Takaful, “BijakWang Challenge 2025 telah membuktikan bahawa pendidikan kewangan boleh disampaikan dengan cara yang lebih kreatif dan menarik. Pendekatan kuiz secara langsung ini bukan sahaja efektif dalam mendekati para belia, malah menjadikan pembelajaran kewangan satu pengalaman yang menyeronokkan, interaktif dan relevan dengan gaya hidup digital masa kini.”

Program berasaskan konsep gamifikasi ini menyasarkan para belia, pelajar universiti dan masyarakat umum, menjadikan topik kewangan lebih mudah difahami. Pelaksanaan BijakWang Challenge 2025 turut diperkukuh melalui kerjasama strategik dengan institusi pendidikan tinggi di seluruh negara, seperti USM, UniPSAS, UiTM, UIA, UUM, UniKL, UMT, iCATS Kuching, Politeknik Kota Bharu serta Sekolah Teknik. Cabaran yang disertai oleh para pelajar berusia 16 tahun ke atas dan warga pendidik ini bukan sahaja mampu memperluaskan capaian literasi kewangan, malah memupuk amalan pengurusan kewangan berhemat dalam kalangan generasi muda yang bakal memasuki alam pekerjaan dan menempuh kehidupan berdikari.

Sebagai pelan jangka panjang, mySalam turut menubuhkan Komuniti BijakWang melalui aplikasi *WhatsApp* yang kini telah disertai lebih 2,000 ahli. Ia berperanan sebagai

platform perkongsian tip kewangan, makluman perlindungan sosial seperti mySalam dan Perlindungan Tenang, serta hebahan aktiviti dan peluang pembelajaran berterusan.

Seramai 9 peserta terbaik yang dipilih berdasarkan keputusan kuiz telah menerima hadiah dengan nilai keseluruhan sebanyak RM30,000 dan turut menawarkan hadiah istimewa bernilai RM3,000 kepada institusi pendidikan dengan jumlah penyertaan terbanyak, dimenangi oleh Universiti Sains Malaysia.

Memetik ucapan pemenang tempat pertama, En. Muhammad Safwan Awang Puteh, Perunding Hartanah, “Disebabkan kuiz ini, saya semakin rajin membaca dan mengulang kaji seperti waktu persekolahan dahulu. Saya sedar bahawa banyak perkara tentang kewangan yang sebenarnya mudah difahami apabila kita belajar dengan cara menyeronokkan seperti ini.”

Sejak diperkenalkan pada tahun 2019, mySalam telah membantu seramai 1.8 juta ahli dengan jumlah bayaran tuntutan mencecah RM1.311 bilion setakat 31 Oktober 2025. Merujuk kepada pengumuman Belanjawan 2026, skim ini akan dilanjutkan sehingga Disember 2026 sebagai komitmen berterusan pihak kerajaan untuk menyediakan perlindungan kewangan kepada rakyat berpendapatan rendah.

**-TAMAT-**

#### **MENGENAI mySalam**

mySalam ialah skim perlindungan takaful PERCUMA yang disediakan oleh kerajaan kepada komuniti B40 di Malaysia. Skim ini adalah di bawah seliaan Kementerian Kewangan Malaysia dengan pembiayaan Tabung Amanah mySalam dan pengurusannya dikendalikan sepenuhnya oleh Great Eastern Takaful Berhad.

Skim Perlindungan Takaful mySalam telah diperkenalkan dengan pengoperasian selama lima tahun, bermula pada tahun 2019 sehingga 2023. Susulan maklum balas positif yang diterima, pihak kerajaan telah bersetuju untuk melanjutkan skim ini sehingga tahun 2025.

#### **MENGENAI GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD**

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, Great Eastern Takaful komited dalam menyediakan produk perlindungan takaful keluarga komprehensif yang memberi perlindungan kesihatan dan kewangan patuh syariah dalam usahanya untuk merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, termasuk kumpulan berpendapatan rendah (B40). Menzahirkan pendekatan Takaful untuk Semua, operasi perniagaan GETB disokong oleh pelbagai saluran pengedaran, rakan perniagaan korporat dan perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri dan memenuhi keperluan perlindungan para pelanggan.

Melangkaui operasi perniagaan, Great Eastern Takaful juga giat menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial yang memfokuskan pendidikan (GET-Pintar), pembangunan komuniti (GET-Care) dan kelestarian alam sekitar (GET-Green) demi membantu masyarakat memperoleh kualiti hidup yang lebih baik.

Aspirasi Great Eastern Takaful untuk mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia adalah terbukti melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan terkini adalah anugerah “Pengendali Takaful Terbaik Malaysia 2022” oleh Global Business Outlook Awards dan pada tahun 2023, Great Eastern Takaful diiktiraf sebagai “Most Valuable Brand – Takaful Solutions” oleh The BrandLaureate BestBrands Awards, “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA) serta pelbagai anugerah Takaful Star Awards oleh Persatuan Takaful Malaysia. Tahun 2024 menyaksikan Great Eastern Takaful diperakui sebagai “Majikan Terbaik” oleh Anugerah Majikan Terbaik Kincentric, dianugerahkan sebagai “Penyedia Penyelesaian Takaful

Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA), diiktiraf dengan “Anugerah Inisiatif – Upcycling” oleh ESGBusiness Awards di samping menerima beberapa anugerah lain daripada HR Excellence Awards 2024. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.greateastertakaful.com](http://www.greateastertakaful.com). Great Eastern Takaful juga merupakan ahli PIDM.

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus skim mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

Mastura Abd Rahim  
Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat  
Great Eastern Takaful Berhad  
Tel: +6016 - 209 234  
E-mel: [MasturaAbdRahim@greateastertakaful.com](mailto:MasturaAbdRahim@greateastertakaful.com)